

**NO. SOALAN: 129**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN  
[ INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN : 129**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk memaklumkan keputusan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam penyiasatan ke atas PUSPAKOM Sdn. Bhd.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman YB Indera Mahkota, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak berhasrat untuk menyembunyikan apa-apa fakta berkaitan siasatan terhadap mana-mana pihak, terutamanya jika ia berkaitan dengan kepentingan awam. Namun begitu, apa-apa pendedahan yang dilakukan perlulah mengambil kira peruntukan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, Seksyen 29(1) Akta

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 serta mana-mana akta yang sedang berkuatkuasa.**

Berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh YB, ianya terlalu umum. Adalah dicadangkan agar YB berhubung dengan pihak Ibupejabat SPRM Putrajaya agar dapat memberikan gambaran yang lebih tepat tentang kes yang dimaksudkan itu.

**Sekian, terima kasih.**

**SOALAN: 130**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' FAUZI BIN ABDUL  
RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**SOALAN :**

**Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia menyediakan "Kertas Puteh" bagi tiga badan iaitu FELDA, MARA dan LUTH kerana sudah terlalu banyak laporan-laporan negatif tentang badan-badan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada keperluan untuk menyediakan "Kertas Putih" tersebut kerana tiga badan berkenaan ditadbir dengan baik oleh pengurusan agensi masing-masing. Sebarang isu berbangkit akan ditangani oleh agensi-agensi berkenaan mengikut bidang kuasa atau tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS  
DARIPADA**

**: DATO' FAUZI BIN ABDUL  
RAHMAN [ INDERA MAHKOTA ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa penyelenggaraan di kebanyakan sekolah-sekolah mengalami kekurangan peruntukan yang ketara dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan peruntukan penyelenggaraan kepada Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) pada tahun ini berdasarkan Ucapan Bajet 2017 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri. Sebanyak RM500 juta diperuntukkan kepada Tabung Khas Penambahaikan dan Penyelenggaraan Sekolah bagi sekolah-sekolah tersebut.

Selain daripada itu, pelbagai peruntukan lain disalurkan kepada sekolah dan sebahagian peruntukan tersebut boleh digunakan bagi tujuan perolehan harta modal khususnya bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran seperti kerusi, meja dan peralatan sekolah yang bersesuaian.